

**SEKOLAH PENDIDIKAN PROFESIONAL DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

USB.01/04.01/10.12/22(17)

2 Ogos 2013

**PEKELILING MAHASISWA  
BIL.4/2013**

**PENYERAHAN DOKUMEN SOKONGAN BAGI PERMOHONAN TARIK DIRI / BERHENTI  
PENGAJIAN DARIPADA PROGRAM-PROGRAM PENGAJIAN SEPARUH MASA UTM**

Dimaklumkan bahawa Mahasiswa Pengajian Separuh Masa UTM boleh memohon untuk tarik diri / berhenti daripada pengajian atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, mahasiswa dinasihatkan untuk menyempurnakan proses permohonan tersebut bagi mengelakkan sebarang masalah berbangkit dan tujuan pengemaskinian rekod mahasiswa di *UTMSPACE*. Mahasiswa juga digalakkan mendapatkan khidmat nasihat daripada Penasihat Akademik atau Pengurus Akademik Program Luar Fakulti sebelum sesuatu permohonan dilakukan.

Sehubungan itu, diingatkan bahawa permohonan tarik diri / berhenti daripada pengajian perlu dilakukan dengan melengkapkan Borang Tarik Diri / Berhenti Pengajian (SP-UKR-TDB-003) beserta dokumen berikut:-


- (a) Surat Tawaran Asal
- (b) Kad Matrik Mahasiswa
- (c) Resit Pembayaran Yuran (bagi semester berkenaan)

Mahasiswa yang tidak dapat mengemukakan Surat Tawaran Asal atau Kad Matrik Mahasiswa atas sebab kehilangan **MESTI** menyerahkan Surat Akuan (format surat akuan seperti Lampiran) sebagai pengesahan kehilangan dokumen tersebut kepada *UTMSPACE*.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang benar



**PROF. MADYA SR. DR. MOHD ZULKIFLI BIN MOHD YUNUS**

Pengarah  
Pusat Pengajian Separuh Masa  
b/p : Dekan  
*UTMSPACE*

- s.k - Dekan *UTMSPACE*
- Timbalan Pengarah, Pusat Pengajian Separuh Masa *UTMSPACE*
  - Pengurus Besar, Bahagian Kewangan *UTMSPACE*
  - Pengurus Akademik Program Luar, Akademi, Pusat Pengajian & Fakulti-Fakulti UTM
  - Pengurus, Pusat Pengajian Separuh Masa *UTMSPACE*

## SURAT AKUAN

Saya, ..... (No. Kad Pengenalan : .....)  
*( nama seperti Kad Pengenalan )*  
seorang warganegara Malaysia yang cukup umur dan beralamat di .....  
.....  
*( nama seperti Kad Pengenalan )*  
dengan ini sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:-

- (a) Saya adalah Mahasiswa \*Diploma / Sarjana Muda .....  
*( program yang diikuti )*  
Pengajian Separuh Masa UTM bagi Sesi ...../..... dan memegang No. Matrik  
*( sesi kemasukan pengajian )*  
Mahasiswa .....
- (b) Salinan asal \*Surat Tawaran Pengajian dan/atau Kad Matrik Mahasiswa telah hilang  
daripada simpanan saya.

Tujuan Surat Akuan ini ialah sebagai rekod dan makluman berkaitan kehilangan dokumen tersebut kepada pihak UTMSpace bagi menyokong permohonan tarik diri / berhenti pengajian saya.

Dan saya membuat Surat Akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dengan sebenarnya oleh ]  
..... ]  
*( nama seperti Kad Pengenalan )*  
No. Kad Pengenalan: ..... ]  
di ..... ]  
*( tempat surat akuan ini dikeluarkan )*  
pada .....hari bulan .....tahun ..... ]

Dihadapan saya

(Pesuruhjaya Sumpah)

\*potong yang tidak berkenaan